



**PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA**  
**SOALAN LAZIM (FAQs) BAGI PERKHIDMATAN KEWANGAN, PEMBROKERAN**  
**SAHAM, UNIT AMANAH & PERKHIDMATAN PENGURUP WANG**  
(DIKEMAS KINI PADA **2 SEPTEMBER 2025**)

**A. Perkhidmatan kewangan**

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	<p>Institusi kewangan mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan urusan atau akaun pelanggan mereka selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (<i>Financial Services Act 2013, FSA</i>) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (<i>Islamic Financial Services Act 2013, IFSA</i>).</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah institusi kewangan dikehendaki mendapatkan persetujuan pelanggan untuk pengeluaran e-Invois bagi setiap transaksi kepada pelanggan?</p>	<p>Institusi kewangan harus mendapatkan persetujuan daripada pelanggan mereka untuk mengeluarkan e-Invois bagi mematuhi kewajipan yang ditetapkan oleh FSA dan IFSA.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
2.	<p>Menurut Seksyen 4.3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois, industri terkawal (termasuk institusi kewangan) tidak dikehendaki mendedahkan nombor rujukan penyata / bil di bawah medan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan” dalam e-Invois yang disatukan.</p> <p>Berkaitan perkara ini, bagaimana medan tersebut harus diisi?</p>	<p>Institusi kewangan dikehendaki mengisi keterangan yang relevan dan sesuai di bawah medan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan” dalam e-Invois yang disatukan.</p>
3.	<p>Adakah institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi pendapatan yang diperoleh daripada cawangan luar negara?</p>	<p>Bagi syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, e-Invois mesti dikeluarkan bagi aktiviti di dalam dan di luar Malaysia.</p>
4.	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah pelanggan bagi institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada institusi kewangan untuk pendapatan yang diterima (contohnya pendapatan faedah daripada deposit tetap dan sebagainya)?</p>	<p>Apabila pelanggan meminta supaya e-Invois dikeluarkan, institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pelanggan mereka. e-Invois tersebut boleh dipaparkan secara visual dalam format penyata / bil berkala dan akan memperincikan jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan (contohnya caj transaksi dan sebagainya) serta bayaran / kredit kepada pelanggan (contohnya rebat, pendapatan faedah daripada penempatan deposit dan sebagainya).</p>
5.	<p>Adakah institusi kewangan dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan bagi merekodkan pendapatan yang dijana daripada perkhidmatan kewangan yang diberikan kepada pelanggan yang tidak memerlukan e-Invois (termasuk pelanggan yang hadir tanpa janji temu)?</p>	<p>Ya, institusi kewangan dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan bagi transaksi di mana pelanggan tidak memerlukan e-Invois, melainkan aktiviti / transaksi tersebut termasuk di bawah Seksyen 3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois.</p> <p>Sila rujuk Seksyen 3.6, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
6.	<p>Institusi kewangan menyediakan pinjaman kepada individu dan perniagaan untuk tujuan pembiayaan, dengan faedah dikenakan ke atas jumlah yang dipinjam. Peminjam kemudiannya dikehendaki membayar balik prinsipal secara ansuran, termasuk faedah.</p> <p>Selepas pelaksanaan e-Invois, adakah institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi kedua-dua prinsipal dan caj faedah?</p>	<p>Institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi faedah yang dikenakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada e-Invois perlu dikeluarkan bagi pembayaran balik prinsipal pinjaman.</p>
7.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi faedah yang terbit daripada pinjaman dan peminjaman antara bank (<i>interbank lending and borrowing</i>)?</p>	<p>Bank pemberi pinjaman dikehendaki mengeluarkan e-Invois ke atas faedah yang dikenakan kepada bank peminjam.</p>
8.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi premium atau fi pendahuluan yang diterima berkaitan produk perbendaharaan serta produk atau perkhidmatan patuh syariah?</p>	<p>e-Invois perlu dikeluarkan bagi premium atau fi pendahuluan, sekiranya premium atau fi tersebut bersifat tidak boleh dipulangkan.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
9.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi akaun yang mempunyai lebih daripada satu (1) pihak sebagai pemegang akaun, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun bersama</li> <li>• Akaun omnibus</li> <li>• Akaun penjaga, termasuk akaun kanak-kanak di bawah umur</li> <li>• Akaun amanah</li> <li>• Akaun harta pusaka</li> <li>• Akaun eskrow?</li> </ul>	<p>Proses semasa boleh dikekalkan, iaitu pengeluaran satu (1) e-Invois bagi satu (1) akaun yang dimiliki bersama oleh lebih daripada satu (1) pihak.</p> <p>Dalam keadaan pemegang akaun bersama, pemegang akaun utama yang menerima penyata daripada institusi kewangan hendaklah dinyatakan sebagai pembeli dalam e-Invois.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang akaun lain meminta e-Invois, institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois berasingan kepada pemegang akaun tersebut.</p>
10.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi caj dan fi [contohnya, fi urus niaga (<i>transaction fees</i>), fi pertukaran (<i>interchange fees</i>), fi perkhidmatan skim (<i>switching fees</i>), fi penilaian (<i>assessment fee</i>), fi bulanan dan sebagainya) yang dibayar kepada pemproses rangkaian kad luar negara dan tempatan (contohnya, Visa, Mastercard dan sebagainya) serta pengendali lain (contohnya, PayNet, UnionPay, PayPal dan sebagainya)?</p>	<p>Institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi sebarang caj dan fi yang dibayar kepada pemproses rangkaian kad luar negara dan pengendali luar negara.</p> <p>Sebaliknya, pemproses rangkaian kad tempatan dan pengendali tempatan bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bagi sebarang caj / fi yang diterima daripada institusi kewangan.</p> <p>Sekiranya pemproses rangkaian kad tempatan dan pengendali tempatan pada masa ini mengeluarkan penyata / bil kepada institusi kewangan, mereka dibenarkan mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON. e-Invois tersebut boleh merangkumi jumlah yang perlu dibayar oleh institusi kewangan, serta bayaran / kredit kepada institusi kewangan dalam e-Invois yang sama. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil. Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
11.	<p>Pada masa ini, dalam transaksi kiriman wang masuk di mana wang diterima daripada pengirim melalui ejen koresponden di luar Malaysia (contohnya ejen Nostro atau ejen perantara kepada ejen Nostro), ejen asing tersebut akan mengenakan fi pemprosesan / pemindahan kepada institusi kewangan, yang kemudiannya akan dituntut semula oleh institusi kewangan daripada penerima tempatan.</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, bagaimanakah e-Invois perlu dikeluarkan bagi fi pemprosesan / pemindahan tersebut?</p>	<p>Institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada ejen asing bagi fi pemprosesan / pemindahan.</p> <p>Seterusnya, institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois sekiranya fi pemprosesan / pemindahan tersebut dikenakan kepada penerima tempatan.</p>
12.	<p>Selepas pelaksanaan e-Invois, adakah institusi kewangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi bayaran pendahuluan yang dikutip daripada pembida dalam lelongan / bidaan hartanah yang disita?</p>	<p>Ya, e-Invois perlu dikeluarkan sekiranya bayaran pendahuluan bersifat tidak boleh dikembalikan.</p> <p>Sekiranya bayaran pendahuluan bersifat boleh dikembalikan, e-Invois tidak perlu dikeluarkan semasa penerimaan bayaran pendahuluan.</p>
13.	<p>Pada masa ini, institusi kewangan menawarkan pulangan tunai kepada pemegang kad sebagai sebahagian daripada program ganjaran kadnya.</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi pulangan tunai yang dibayar kepada pemegang kad?</p>	<p>Institusi kewangan dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON. e-Invois tersebut boleh merangkumi jumlah yang perlu dibayar oleh pemegang kad serta pembayaran / kredit kepada pemegang kad (contohnya, penebusan / pembayaran pulangan tunai) dalam satu e-Invois yang sama. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil.</p> <p>Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
14.	<p>Selain pulangan tunai, institusi kewangan juga menyediakan mata ganjaran yang boleh ditebus untuk barangan, perkhidmatan atau mata penerbangan (<i>air miles</i>).</p> <p>Apabila pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi barangan, perkhidmatan atau mata penerbangan (<i>air miles</i>) yang ditebus oleh pemegang kad?</p>	<p><u><i>Mata ganjaran percuma yang diberikan oleh institusi kewangan kepada pemegang kad</i></u></p> <p>Jika mata ganjaran diberikan kepada pemegang kad secara percuma, tiada e-Invois atau e-Invois bil sendiri perlu dikeluarkan oleh institusi kewangan.</p> <p><u><i>Penebusan barangan atau perkhidmatan</i></u></p> <p>Tiada e-Invois atau e-Invois bil sendiri perlu dikeluarkan oleh institusi kewangan kepada pemegang kad bagi barangan atau perkhidmatan yang ditebus menggunakan mata ganjaran.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika terdapat caj tambahan yang tidak ditanggung oleh jumlah yang ditebus (contohnya, fi pentadbiran, nilai tambahan bagi barangan atau perkhidmatan dan lain-lain), institusi kewangan dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois kepada pemegang kad.</p> <p>Sekiranya caj tambahan tersebut pada masa ini dimasukkan dalam penyata / bil yang dikeluarkan oleh institusi kewangan, institusi kewangan dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON. e-Invois tersebut boleh merangkumi jumlah yang perlu dibayar oleh pemegang kad (contohnya, caj tambahan yang ditanggung bagi penebusan di atas dan lain-lain) serta bayaran / kredit kepada pemegang kad dalam e-Invois yang sama. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil. Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.</p>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
15.	<p>Adakah institusi kewangan dibenarkan untuk membuat pelarasan ke atas e-Invois yang telah dikeluarkan sebelum ini dalam e-Invois bulan berikutnya dan bukannya mengeluarkan e-Invois nota kredit / nota debit / nota bayaran balik (bergantung kepada kes)?</p>	<p>Ya, memandangkan institusi kewangan pada masa ini mengeluarkan penyata / bil, institusi kewangan dibenarkan untuk memasukkan pelarasan dalam e-Invois bulan berikutnya dalam format XML atau JSON. e-Invois tersebut boleh merangkumi jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan serta bayaran / kredit kepada pelanggan dalam e-Invois yang sama. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil. Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Spesifik Khusus e-Invois untuk panduan lanjut.</p>
16.	<p>Adakah e-Invois perlu dikeluarkan bagi pendapatan / keuntungan daripada produk perbendaharaan berikut (mutatis mutandis bagi produk atau perkhidmatan patuh Syariah), di mana invois pada masa ini tidak dikeluarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan atau keuntungan / kerugian yang telah terealisasi daripada pelupusan saham, opsiyen ekuiti, waran dan lain-lain</li> <li>• Pendapatan / perbelanjaan pada pasaran semasa (<i>marked-to-market</i>) yang belum terealisasi bagi saham, opsiyen ekuiti, waran dan lain-lain</li> <li>• Pelunasan (<i>amortisation</i>) / pertambahan (<i>accretion</i>) premium, yuran atau rizab</li> <li>• Keuntungan dan kerugian pertukaran asing (FX)?</li> </ul>	<p>e-Invois tidak perlu dikeluarkan bagi pelarasan perakaunan atau audit.</p> <p>Perniagaan dibenarkan untuk meneruskan amalan perniagaan semasa berkaitan pelarasan ini, termasuk (tetapi tidak terhad kepada):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang keuntungan atau kerugian (sama ada telah terealisasi atau belum terealisasi)</li> <li>• Pelunasan / pertambahan premium, yuran atau rizab</li> <li>• Keuntungan atau kerugian pertukaran asing (FX)</li> </ul>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
17.	Apakah layanan e-Invois untuk swap kadar faedah yang dipersetujui antara dua (2) pihak untuk menukar obligasi faedah?	Pedagang atau perantara swap (iaitu institusi kewangan) dikehendaki mengeluarkan e-Invois atau e-Invois bil sendiri, yang mana berkenaan, untuk faedah yang diterima atau dibayar antara pihak-pihak di bawah aturan swap.

## B. Pembrokeran sekuriti dan derivatif

*Nota: Istilah “broker” yang digunakan dalam seksyen ini termasuk peserta Bursa Malaysia iaitu, Organisasi Peserta, Peserta Perdagangan, Peserta Penjelasan Dagangan, Peserta Penjelasan, Ejen Depositori Diberikuasa dan Ahli Depositori Diberikuasa.*

Bil.	Soalan	Maklum balas												
1.	Adakah e-Invois perlu dikeluarkan untuk dagangan sekuriti dan/atau derivatif di bursa saham tempatan dan/atau asing atau bursa derivatif?	<p>Pembelian dan penjualan sekuriti dan/atau derivatif yang didagangkan di bursa saham atau bursa derivatif di Malaysia atau di tempat lain pada masa ini dikecualikan daripada e-Invois. Sila rujuk Seksyen 1.6.8, Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa pengecualian ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>												
2.	Apakah layanan e-Invois bagi penerbitan atau pemindahan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai?	<p>Pembekal dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi sekuriti atau derivatif tidak tersenarai yang diterbitkan atau dipindahkan kepada pembeli.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Pembekal</th> <th>Pembeli</th> <th>Masa Pengeluaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2"><i>Penerbitan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i></td> <td rowspan="4"> <p>a. Sekiranya terdapat perjanjian bertulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika tiada kelulusan diperlukan daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh penerbitan adalah tarikh perjanjian</li> <li>Jika kelulusan diperlukan</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Pengeluar / Penerima pelaburan</td> <td>Pelabur</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><i>Pemindahan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i></td> </tr> <tr> <td>Pemindah</td> <td>Penerima pindahan</td> </tr> </tbody> </table>	Pembekal	Pembeli	Masa Pengeluaran	<i>Penerbitan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i>		<p>a. Sekiranya terdapat perjanjian bertulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika tiada kelulusan diperlukan daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh penerbitan adalah tarikh perjanjian</li> <li>Jika kelulusan diperlukan</li> </ul>	Pengeluar / Penerima pelaburan	Pelabur	<i>Pemindahan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i>		Pemindah	Penerima pindahan
Pembekal	Pembeli	Masa Pengeluaran												
<i>Penerbitan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i>		<p>a. Sekiranya terdapat perjanjian bertulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika tiada kelulusan diperlukan daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh penerbitan adalah tarikh perjanjian</li> <li>Jika kelulusan diperlukan</li> </ul>												
Pengeluar / Penerima pelaburan	Pelabur													
<i>Pemindahan sekuriti atau derivatif tidak tersenarai</i>														
Pemindah	Penerima pindahan													

Bil.	Soalan	Maklum balas		
				<p>daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh penerbitan adalah tarikh kelulusan tersebut, atau jika kelulusan adalah bersyarat, tarikh penerbitan adalah tarikh syarat terakhir dipenuhi</p> <p>b. Sekiranya tiada perjanjian bertulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikh penerbitan adalah tarikh selesai</li> </ul>

Bil.	Soalan	Maklum balas
3.	<p>Pada masa ini, broker mengeluarkan dokumen berikut kepada pelanggan mereka:</p> <p>(a) Nota / penyata kontrak; dan</p> <p>(b) Penyata akaun bulanan</p> <p>Dokumen yang manakah perlu dihantar bagi tujuan e-Invois?</p>	<p>Memandangkan broker pada masa ini mengeluarkan penyata / bil kepada pelanggan mereka, broker dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON. e-Invois tersebut boleh merangkumi jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan serta bayaran / kredit kepada pelanggan dalam e-Invois yang sama. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil (sama ada nota / penyata kontrak atau penyata akaun bulanan). Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.</p>
4.	<p>Memandangkan broker diwajibkan untuk mengekalkan kerahsiaan transaksi yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 serta Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, adakah broker dikehendaki untuk mendedahkan nombor rujukan penyata / bil di bawah medan “Keterangan Produk / Perkhidmatan” dalam e-Invois disatukan?</p>	<p>Seksyen 4.3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois terpakai kepada broker. Oleh itu, broker tidak dikehendaki untuk mendedahkan nombor rujukan penyata / bil di bawah medan “Keterangan Produk / Perkhidmatan” dalam e-Invois disatukan.</p> <p>Walau bagaimanapun, broker dikehendaki memasukkan keterangan yang relevan dan sesuai di bawah medan tersebut semasa mengeluarkan e-Invois disatukan.</p>
5.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi fi yang dikenakan oleh broker kepada pelanggannya (contohnya, fi broker, fi pusingan, fi pengendalian atas amanah pelabur, fi penjelasan dan sebagainya)?</p>	<p>Apabila terdapat fi yang dikenakan oleh broker kepada pelabur mereka, broker bertanggungjawab untuk mengeluarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. e-Invois (atas permintaan); atau</li> <li>ii. resit (jika tiada e-Invois diminta) kepada pelabur, dan seterusnya mengeluarkan e-Invois disatukan.</li> </ol>

Bil.	Soalan	Maklum balas
		Sila rujuk Seksyen 3.5 dan 3.6, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois secara umum.
6.	<p>Pada masa ini, broker akan memasukkan kutipan bagi pihak lain (contohnya, duti setem, fi pihak ketiga dan sebagainya) dalam nota / penyata kontrak yang dikeluarkan kepada pelabur mereka, bersama-sama dengan fi lain yang dikenakan oleh broker.</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah amalan yang sama akan terus digunakan atau adakah broker dikehendaki mengubah amalan semasa mereka?</p>	<p>Jika pihak ketiga mengeluarkan e-Invois / invois untuk kutipan bagi pihak lain (contohnya, duti setem, fi pihak ketiga dan sebagainya) kepada broker, kutipan bagi pihak lain tersebut perlu dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh broker kepada pelabur. Broker dikehendaki memasukkan kod pengelasan yang sesuai untuk kutipan bagi pihak lain tersebut.</p> <p>Sekiranya pihak ketiga mengeluarkan e-Invois / invois untuk kutipan bagi pihak lain (contohnya, duti setem, fi pihak ketiga dan sebagainya) terus kepada pelabur, kutipan bagi pihak lain tersebut tidak perlu dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh broker kepada pelabur.</p>
7.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi yuran yang berkaitan dengan Sistem Depositori Pusat (CDS) yang dikenakan oleh Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. (BMDep), seperti berikut:</p> <p>(a) Yuran pembukaan akaun</p> <p>(b) Yuran pemindahan</p> <p>(c) Yuran pemindahan hak milik (<i>Transmission of Title, TOT</i>)?</p>	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, BMDep dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi yuran yang dikenakan oleh BMDep.</p>
8.	<p>Adakah Ejen Depositori Diberikuasa (<i>Authorized Depository Agents, ADA</i>) dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi pendapatan rebat yang berkaitan dengan yuran CDS?</p>	<p>Ya, ADA dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi rebat yang diperoleh.</p>

Bil.	Soalan	Maklum balas
9.	<p>Pada masa ini, syarikat penama memproses tindakan korporat (contohnya, dividen, penerbitan hak, dan sebagainya) bagi pihak pelanggannya dan membayar dividen bersih selepas mengenakan yuran pentadbiran / pemprosesan kepada pelanggannya.</p> <p>Apakah layanan e-Invois bagi dividen asing yang diterima bagi pihak pelanggan syarikat penama, serta yuran pentadbiran / pemprosesan tersebut?</p>	<p>Layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan yang berkenaan dikehendaki mengeluarkan e-Invois (jika berkenaan) bagi pendapatan dividen asing yang diterima daripada pengedar dividen asing.</li> <li>• Syarikat penama dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi yuran pentadbiran / pemprosesan yang dikenakan kepada pelanggannya.</li> </ul>
10.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi pendapatan faedah yang diterima oleh broker daripada penempatan wang amanah pelanggannya dengan institusi kewangan, yang kemudiannya diserahkan kembali kepada pelanggan selepas ditolak yuran pengendalian?</p>	<p>Layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi kewangan tempatan yang membayar faedah dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pemegang akaun.</li> </ul> <p>Jika faedah dibayar oleh institusi kewangan asing, pemegang akaun dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi faedah yang diterima.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Broker dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi jumlah penuh faedah yang terhutang kepada pelanggan (iaitu, sebelum ditolak yuran pengendalian) dan e-Invois berasingan bagi yuran pengendalian yang dikenakan kepada pelanggannya.</li> </ul>

Bil.	Soalan	Maklum balas
11.	<p>Pada masa ini, yuran penyenaian awal dikenakan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (BMS) kepada penerbit waran berstruktur dan dana dagangan bursa.</p> <p>Yuran penyenaian awal tersebut akan dikembalikan kemudian oleh BMS sebagai rebat kepada penerbit, setelah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh BMS. Penerbit dikehendaki menghantar pengisytiharan kepada BMS untuk memohon rebat.</p> <p>Sehubungan itu, apakah layanan e-Invois untuk rebat tersebut?</p>	<p>BMS dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota bayaran balik bagi yuran penyenaian awal yang dikembalikan kepada penerbit.</p>
12.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi komisen yang dibayar oleh broker kepada Wakil Peniaga Berkomisen (iaitu remisier)?</p>	<p>Broker dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada Wakil Peniaga Berkomisen (<i>Commissioned Dealer's Representative</i>) bagi komisen yang dibayar, selaras dengan Seksyen 9, Garis Panduan Spesifik e-Invois.</p>
13.	<p>Pada masa ini, BMDep mengenakan yuran CDS kepada syarikat penama bagi benefisiari yang membuka akaun CDS di bawah nama syarikat penama.</p> <p>Apakah layanan e-Invois bagi yuran CDS ini?</p>	<p>BMDep dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada syarikat penama bagi yuran CDS yang dikenakan.</p> <p>Seterusnya, syarikat penama dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada benefisiari bagi yuran CDS yang dikenakan semula kepada benefisiari.</p>

Bil.	Soalan	Maklum balas
14.	<p>Di bawah Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi Ke atas Transaksi Sekuriti) 1995, levi sebanyak 0.015% ke atas nilai transaksi pembelian atau jualan perlu dibayar kepada Suruhanjaya Sekuriti (Levi SC), di mana separuh daripada Levi SC perlu dibayar oleh broker (mengikut Peraturan BMS).</p> <p>Pada masa ini, BMS mengeluarkan invoice kepada broker dan mengutip bahagian Levi SC ini bagi pihak Suruhanjaya Sekuriti (SC).</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah amalan yang sama akan terus digunakan atau adakah BMS perlu mengubah amalan semasa?</p>	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, aliran bagi pengeluaran e-Invois hendaklah sama dengan aturan invoice semasa.</p> <p>Jika SC mengeluarkan e-Invois / invoice (atau apa-apa dokumentasi lain) untuk kutipan bagi pihak BMS, kutipan bagi pihak tersebut perlu dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh BMS kepada broker. BMS dikehendaki memasukkan kod pengelasan yang sesuai untuk kutipan bagi pihak tersebut.</p>

### C. Transaksi berkaitan amanah saham

Bil.	Soalan	Maklum balas				
1.	Apakah layanan e-Invois bagi langganan unit amanah?	<p>Pembekal dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi unit-unit dana unit amanah (<i>Unit Trust Fund, UTF</i>) tertentu yang dilanggan oleh pembeli.</p> <p>Sekiranya pembekal pada masa ini mengeluarkan penyata / bil secara berkala, pembekal dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON mengikut kekerapan pengeluaran masing-masing. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil.</p> <table border="1" data-bbox="746 817 1453 952"> <tr> <td data-bbox="746 817 1098 884"><b>Pembekal</b></td> <td data-bbox="1098 817 1453 884"><b>Pembeli</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="746 884 1098 952">UTF</td> <td data-bbox="1098 884 1453 952">Pelabur</td> </tr> </table>	<b>Pembekal</b>	<b>Pembeli</b>	UTF	Pelabur
<b>Pembekal</b>	<b>Pembeli</b>					
UTF	Pelabur					
2.	Apakah layanan e-Invois bagi penebusan unit amanah?	<p>Pembeli dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi unit-unit dana unit amanah (<i>UTF</i>) tertentu yang ditebus oleh pembekal.</p> <p>Sekiranya pembeli pada masa ini mengeluarkan penyata / bil secara berkala, pembeli dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML atau JSON mengikut kekerapan pengeluaran masing-masing. e-Invois yang telah disahkan itu kemudiannya boleh ditukarkan kepada paparan visual dalam bentuk penyata / bil.</p> <table border="1" data-bbox="746 1556 1453 1691"> <tr> <td data-bbox="746 1556 1098 1624"><b>Pembekal</b></td> <td data-bbox="1098 1556 1453 1624"><b>Pembeli</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="746 1624 1098 1691">Pelabur</td> <td data-bbox="1098 1624 1453 1691">UTF</td> </tr> </table>	<b>Pembekal</b>	<b>Pembeli</b>	Pelabur	UTF
<b>Pembekal</b>	<b>Pembeli</b>					
Pelabur	UTF					

Bil.	Soalan	Maklum balas
3.	<p>Penasihat Institusi Unit Amanah (IUTA) bertindak sebagai perantara antara pelabur akhir dan Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), membantu pelabur akhir dalam membeli unit dana unit amanah (UTF) tertentu melalui UTMC.</p> <p>UTMC mengenakan caj jualan kepada IUTA, yang kemudiannya IUTA mengenakan caj jualan kepada pelabur akhir.</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi caj jualan?</p>	<p>Layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b><u>1. Transaksi antara UTMC dan IUTA</u></b> UTMC dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi caj jualan yang dikenakan kepada IUTA.</li> <li><b><u>2. Transaksi antara IUTA dan pelabur akhir</u></b> IUTA dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi caj jualan yang dikenakan kepada pelabur akhir.</li> </ol>
4.	<p>Berdasarkan soalan di atas, apabila dividen daripada pelaburan UTF diagihkan, UTF akan membayar dividen tersebut kepada IUTA. IUTA kemudiannya akan menyalurkan pendapatan dividen itu kepada pelabur akhir.</p> <p>Dalam situasi ini, bagaimanakah e-Invois perlu dikeluarkan?</p>	<p>Layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b><u>1. Transaksi antara UTF dan IUTA</u></b> UTF dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi dividen yang diagihkan kepada IUTA.</li> <li><b><u>2. Transaksi antara IUTA dan pelabur akhir</u></b> IUTA dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi dividen yang diagihkan kepada pelabur akhir.</li> </ol>
5.	<p>UTMC tempatan mengenakan yuran pengurusan kepada UTF tempatan. Yuran ini mungkin atau mungkin tidak ditanggung secara tidak langsung oleh pelabur akhir.</p> <p>Selain itu, UTMC memberikan rebat ke atas yuran pengurusan ini kepada pelabur akhir tertentu yang layak. Pelabur ini boleh terdiri daripada individu dan juga entiti korporat.</p>	<p>Layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <p><u>Pengenaan yuran pengurusan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada UTF tempatan bagi yuran pengurusan yang dikenakan.</li> <li>• Sekiranya yuran pengurusan dikenakan oleh UTF tempatan kepada pelabur akhir, UTF tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada</li> </ul>

Bil.	Soalan	Maklum balas
	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi yuran pengurusan yang dikenakan dan rebat yang diberikan?</p>	<p>pelabur akhir bagi yuran pengurusan yang dikenakan kepada mereka.</p> <p><u><i>Rebat yuran pengurusan</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya rebat yuran pengurusan diberikan daripada UTMC tempatan kepada UTF tempatan, UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan) kepada UTF tempatan.</li> <li>• Sekiranya rebat yuran pengurusan diberikan oleh UTF tempatan kepada pelabur akhir yang layak, UTF tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan) kepada pelabur akhir yang layak.</li> <li>• Bagi tujuan pengeluaran e-Invois nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan), UTMC tempatan dan UTF tempatan dikehendaki memasukkan No. ID Unik LHDNM bagi e-Invois asal yang dikeluarkan oleh UTMC tempatan kepada UTF tempatan / UTF tempatan kepada pelabur akhir bagi yuran pengurusan di bawah medan "Nombor Rujukan e-Invois Asal".</li> </ul>

6. Di bawah aturan Dana daripada Dana (*Fund of Fund, FoF*), UTF tempatan melabur dalam portfolio dana pelaburan asing (contohnya, UTF asing).

Pengurus dana asing mengenakan yuran pengurusan kepada UTF asing, yang mungkin atau mungkin tidak ditanggung secara tidak langsung oleh pelaburnya (termasuk UTF tempatan dan akhirnya, pelabur akhir dalam UTF tempatan).

Untuk mengelakkan pengenaan berganda yuran pengurusan kepada pelabur akhir tempatan, pengurus dana asing memberikan rebat ke atas yuran pengurusan kepada UTMC tempatan, yang kemudiannya UTMC tempatan menyalurkan rebat ini kepada UTF tempatan.

Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi rebat yang diberikan?

Layanan e-Invois adalah seperti berikut:

*Yuran pengurusan yang dikenakan oleh UTMC asing*

- UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi yuran pengurusan yang dikenakan oleh UTMC asing.
- Seterusnya, sekiranya yuran pengurusan dikenakan oleh UTMC tempatan kepada UTF tempatan, UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada UTF tempatan bagi yuran pengurusan yang dikenakan oleh UTMC asing.
- Sekiranya yuran pengurusan dikenakan oleh UTF tempatan kepada pelabur akhir, UTF tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pelabur akhir bagi yuran pengurusan yang diperuntukkan kepada mereka.

*Rebat yuran pengurusan*

- Sekiranya rebat yuran pengurusan diberikan oleh UTMC asing kepada UTMC tempatan, UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan) bagi rebat yuran pengurusan yang diterima daripada UTMC asing.
- Sekiranya rebat yuran pengurusan disalurkan oleh UTMC tempatan kepada UTF tempatan, UTMC tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan) bagi rebat yuran pengurusan yang diberikan kepada UTF tempatan.
- Sekiranya rebat yuran pengurusan seterusnya diberikan oleh UTF tempatan kepada pelabur akhir yang layak, UTF tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota kredit / nota bayaran

Bil.	Soalan	Maklum balas
		<p>balik (mengikut mana yang berkenaan) kepada pelabur akhir yang layak.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi tujuan pengeluaran e-Invois nota kredit / nota bayaran balik (mengikut mana yang berkenaan), UTMC tempatan / UTF tempatan dikehendaki memasukkan No. ID Unik LHDNM bagi e-Invois atau e-Invois bil sendiri asal (mengikut mana yang berkenaan) yang dikeluarkan oleh UTMC tempatan atau UTF tempatan (mengikut mana yang berkenaan) bagi yuran pengurusan di bawah medan "Nombor Rujukan e-Invois Asal".</li> </ul>
7.	<p>Pelabur akhir mungkin melabur RM1,000 melalui UTMC di mana tiada komisen / caj jualan dikenakan oleh UTMC kepada pelabur akhir.</p> <p>Pada masa ini, UTMC mengeluarkan slip pengesahan transaksi selepas tempahan jualan berjaya diselesaikan.</p> <p>Dalam situasi sedemikian di mana UTMC tidak memperoleh sebarang pendapatan, adakah e-Invois masih perlu dikeluarkan?</p>	<p>Tiada e-Invois perlu dikeluarkan apabila tiada komisen atau caj jualan timbul daripada transaksi pelaburan.</p> <p>Walau bagaimanapun, UTMC boleh mengeluarkan e-Invois dengan jumlah 'Sifar', jika dikehendaki.</p>

Bil.	Soalan	Maklum balas
8.	<p>Bagi dana Skim Persaraan Swasta (PRS), Pentadbir Pencen Swasta (PPA) mengenakan yuran PPA kepada pelabur akhir.</p> <p>Pada masa ini, PPA mengeluarkan invoice kepada UTMC bagi jumlah keseluruhan yuran PPA dan UTMC kemudiannya mengenakan yuran PPA kepada pelabur akhir PRS.</p> <p>Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi yuran PPA yang dikenakan kepada pelabur akhir PRS?</p>	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, UTMC dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pelabur akhir PRS bagi yuran PPA yang dikenakan oleh UTMC.</p>
9.	<p>Memandangkan UTF dan UTMC diwajibkan untuk mengekalkan kerahsiaan transaksi yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, adakah UTF dan UTMC dikehendaki mendedahkan nombor rujukan resit / penyata / bil di bawah medan "Keterangan Produk / Perkhidmatan" dalam e-Invois disatukan?</p>	<p>Seksyen 4.3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois adalah terpakai kepada UTF dan UTMC. Oleh itu, UTF dan UTMC tidak dikehendaki mendedahkan nombor rujukan resit / penyata / bil di bawah medan "Keterangan Produk / Perkhidmatan" dalam e-Invois yang disatukan.</p> <p>Walau bagaimanapun, UTF dan UTMC dikehendaki memasukkan keterangan yang relevan dan sesuai di bawah medan tersebut semasa mengeluarkan e-Invois disatukan.</p>

#### D. Transaksi berkaitan perkhidmatan tukaran wang

Bil.	Soalan	Maklum balas
1.	Apakah layanan e-Invois bagi transaksi antara pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang dan pengguna / individu?	<p>Dengan pelaksanaan e-Invois, layanan e-Invois adalah seperti berikut:</p> <p><b>(a) Sekiranya pengguna / individu meminta e-Invois</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bagi penjualan mata wang asing oleh pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang kepada pengguna / individu, pembekal tersebut dikehendaki mengeluarkan e-Invois bernilai positif.</li><li>• Bagi pembelian mata wang asing oleh pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang daripada pengguna / individu, pembekal tersebut dikehendaki mengeluarkan e-Invois bernilai negatif.</li><li>• Sekiranya terdapat penjualan dan pembelian mata wang asing secara serentak oleh pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang kepada pengguna / individu, pembekal tersebut boleh memasukkan kedua-dua penjualan dan pembelian mata wang asing dalam e-Invois yang sama.</li></ul> <p><b>(b) Sekiranya pengguna / individu tidak meminta e-Invois</b></p> <p>Pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang dikehendaki mengeluarkan resit bagi transaksi tersebut dan seterusnya mengagregatkan semua resit untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan.</p>

Bil.	Soalan	Maklum balas
2.	<p>Pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang mungkin mengenakan caj tertentu kepada pelanggan.</p> <p>Apakah layanan e-Invois bagi caj yang dikenakan?</p>	<p>Pembekal hendaklah memasukkan caj tersebut sebagai baris item berasingan dalam e-Invois yang sama, bersama-sama dengan transaksi lain (contohnya, pembelian atau penjualan mata wang asing dan lain-lain) dengan pelanggan tersebut.</p>
3.	<p>Apakah layanan e-Invois bagi transaksi antara dua (2) pembekal yang menyediakan perkhidmatan tukaran wang?</p>	<p>Pembekal yang menjual mata wang asing dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pembeli.</p>
4.	<p>Apakah layanan e-Invois apabila perniagaan tukaran wang tempatan membeli mata wang asing daripada pembekal asing?</p>	<p>Perniagaan tukaran wang tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi pembelian mata wang asing daripada pembekal asing.</p>